



PROCEEDINGS

ISHC

2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

CONFERENCE 2017

المؤتمر الدولي الثاني للتراث الاسلامي

"STRENGTHENING KNOWLEDGE, EMPOWERING ACHIEVEMENT"

EDITORS

MOHD FAIZAL P.RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

**PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL
ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE
(ISHEC 2017)**



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE (ISHEC 2017)

Editors

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP

MOHD ZAID MUSTAFAR

MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN

S. SALAHUDIN SUYURNO

DZIAUDDIN SHARIF

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Alor Gajah • 2017

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2017
Hak Cipta / *Copyright* Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from ACIS, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel: +606 558 2303, 2305

Atur huruf oleh / *Typeset by*
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK, MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP,
MOHD ZAID MUSTAFAR & MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
Mel-e: qayyumfpi@yahoo.co.uk

Reka bentuk kulit oleh
Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz
Mel-e: nizamiyah86@gmail.com

ISBN:

Table of Contents

<i>Foreword</i>	7
<i>Preface</i>	9

HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC THOUGHT

Genre Historiografi Ibn al-Athir <i>Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nor Adina Abdul Kadir & Mariam Farhana Md Nasir ...</i>	3
Kajian Literatur Istilah 'Umrn Ibn Khaldun <i>Abdul Qayuum Abdul Razak & S.Salahudin Suyurno ...</i>	13
Metodologi Penulisan Isu Kenabian menurut Badiuzzaman Said Nursi dalam Kitab <i>Rasail al-Nur</i> <i>Muaz Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Nor Adina Abdul Kadir, Abdul Qayuum Abdul Razak & Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz ...</i>	21
Metodologi Penulisan Syed Qutb dalam Kitab <i>Fi Zilal al-Quran</i> <i>Halipah Hamzah & Noormala Rabu ...</i>	35
Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman <i>Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly ...</i>	47
Mekah Pusat Dunia: Hubungan dengan Brunei <i>Muhammad Hadi Muhammad Melayong ...</i>	55
Peranan Sufi dalam Penyebaran Islam di Nusantara <i>H Sumanta MA & Hajam M.Ag ...</i>	63
Ngaji Kitab bersama Para Kiai Cirebon 'Memaknai Jihad Islam' untuk Meraih Sukma Pancasila <i>Siti Fatimah M.Hum ...</i>	75
Jender dalam Perspektif Nasaruddin Umar <i>H Jamali Sahrodi MA & Amin Maulana ...</i>	101

Madrasah Menggapai Mutu
H Maksum MA ... 117

Pendekatan Kajian Orientalis terhadap Islam: Satu Sorotan Awal
Mohd Farhan Abd Rahman & Muhamad Azrul Azwan ... 125

ZA'BA, Melayu dan Kolonialisme Inggeris
Noor Aziera Mohamad Rohana, Nurul Asma Mazlan, Noraini Abd Muaziz & Ermy Azziaty Rozali ...137

Budaya Berfikir Kritis Islam sebagai Pendekatan dalam Mengukuhkan Jatidiri Masyarakat Melayu Kini
Norafifah Ab Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man & Siti Nurul Izza Hashim ... 151

Kepentingan Kepercayaan Konsep Ilmu dalam Pembentukan Pandangan Alam
Mahfuzah Mohammed Zabidi & Rohaya Sulaiman... 167

HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC HERITAGE

Penentuan Tarikh Perkahwinan Rasulullah SAW berdasarkan Pengiraan Takwim Hijri terkini
Nur Jannah Ballazi, Hamidah Jalani, Norsaeidah Jamaludin, Sarah Dina Mohd Adnan & Nang Naemah Nik Dahalan ... 180

Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks *Bustan al-Salatin*
Shah Rul Anuar Nordin ... 188

Prasasti Terengganu: Kepentingannya dalam Sejarah Tamadun Islam Alam Melayu
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan, Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayyum Abdul Razak & Khairul Nizam Abdul Aziz ... 199

Kelangsungan Budaya Masyarakat Chetti Melaka Era Globalisasi
Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Rawi Nordin, Nor Rafedah Mohsan & Muhammad Faiz Mohd Fadzil ... 209

Sejarah dan Implementasi Dekorasi Cina dalam Pembinaan Masjid Terawal di Malaysia
Nor Adina Abdul Kadir, S.Salahudin Suyurno, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris & Muaz Mohd Noor ... 223

ISLAMIC LITERATURE AND ART

Keindahan Konsep Tauhid dalam Rekabentuk Motif-motif Seni Tradisi Melayu
Shaliza Dasuki, Azahar Harun, Liza Marziana Mohammad Noh, Nur Hasliza Abdullah, Nurkhozilah Idris & Fazlina Mohd Radzi ... 239

Identifying A Lotus Motif Transformation on The Melaka Traditional Mosque's Roof Crown in 1720-1950
Raziq Abdul Samat, Sharifah Shaari, Dona Lowii Madon, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin ... 255

Potensi Seni Iluminasi al-Qur'an Mushaf Malaysia
Nik Narimah Nik Abdullah, Mohd Hisham Johari, Ayob Wahid, Zahara Ramli, Muhamad Fauzi Harun, Anith Liyana Amin Nudin & Mohd Amin Mohd Noh... 263

أثر التراث العربي الإسلامي في الرسم الأوروبي الحديث
شكيبيا مصطفى الشرنقية & محمود حسين عبد الرحمن ... 281

Notes on the Ibadi Religious Architecture: A Comparative Study of the Mosques in Mزاب, Djerba and Oman
Naima Benkari ... 301

Contemporary Telekung in Malaysia it's Challenges and Realities
Norzaleha Zainun, Jamiaah Abdul Holed & Zolina Mohamad ... 317

The Development of Character Category in Jawi Typography-An Implementation in Typography Course in UiTM
Intan Nur Firdaus Muhammad fuad, Sharifah Raudzah S. Mahadi & Ahmad Khairul Azizi Ahmad ... 333

Art Photography: Ideation and Influences of Islamic Geometric Patterns
Azmil Aswad Che Mat, Aidah Alias & Farihan Zahari ... 345

The Reading of Tajwid in Surah Yaasin for Red-Green Colour Vision Deficiencies
Siti Sarah Adam Wan, Azahar Harun, Nur Hasliza Abdulah & Shaliza Dasuki ... 357

POLITICS AND GOVERNANCE

Peranan Sultan Abu al-Hasan 'Ali al-Marini dalam Kerajaan Banu Marin di Fas, al-Maghrib (1331-1351M)

Mariam Farhana Md Nasir, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris, Hamidah Jalani & Muhammad Taufik Md Sharipp ... 365

Sejarah Institusi Ketenteraan di Malaysia dan Sumbangan kepada Kelangsungan Ketamadunan
Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah & Redwan Yasin ... 380

Perspektif Kitab Quran terhadap Bidang Pengurusan Rekod
Ahmad Azman Mohamad Ramli, Azmi Ab Rahman, Kasmarini Baharuddin, Mohd Naim Mohd Nasfi, Mohd Ridzuan Ibrahim & Abd Rashid Abd Rahman ... 397

ISLAMIC ECONOMICS AND BUSSINES MANAGEMENT

Etika Pengurusan Sumber Manusia bagi Muslimpreneurs dalam Perniagaan Berskala Kecil
Mohd Faizal P.Rameli, Suhaida Mohd. Amin, Dziauddin Sharif, Norajila Che Man & Noorfazreen Mohd Aris ... 413

Paradigma Tauhid dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
Norajila Che Man, Muhammad Rahimi Osman & Mohd Faizal P.Rameli ... 427

Wasatiyyah sebagai Asas Pembuatan Keputusan Pelabur Muslim
Noor Hasyimah Sulaiman, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Rubiah Abu Bakar ... 445

Penilaian Pakar dalam Model Konseptual Penggunaan Berhierarki Islam
Basri Abd. Ghani & Ahmad Azrin Adnan ... 453

The Need to Work by Educated Muslim Women in Malaysia
Suhaida Mohd. Amin & Mohd Faizal P.Rameli ... 461

The Impact of Macroeconomic Variables on FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index
Siti Nurulhuda Ibrahim, Zuraini Abdul Hamid, Amirudin Mohd Nor, Fahmi Abdul Rahim & Noraznira Abd Razak ... 469

Multimodal Analysis on Muslimah Cosmetic Billboards
Nor Atifah Mohamad, S. Salahudin Suyurno, Sumarni Maulan & Nazarul Azali Razali ... 489

Determinants of Electronic Commerce Adoption: Case Study Among Small and Medium Enterprise (SME) in Klang Valley

Nur Atiqah Zainuddin, Maymunah Ismail, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Sharif, Maz Izuan Mazalan & Mohd Sufian Ab Kadir ... 501

Halal vs Non-Halal Cosmetic: Positioning in Malaysian Market
Azahar Harun, Roszi Naszariah Nasni Naseri, Nur Hazwani, Zolkifly & Mastura Ayob ... 513

Total Quality Management and Halal Certification of Food Product in Malaysia
Rizuwan Abu Karim, Nurazree Mahmud, Helmy Fadlisham Abu Hasan & Juan Rizal Sa'ari ... 519

Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM
Mohd Zaid Daud, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurzahidah Jaafar & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah ... 527

WAQF DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Elemen Kekal Harta Wakaf: Analisis menurut Fuqaha dan Undang-undang di Malaysia
Che Zuina Ismail, Azarudin Awang, Rubiah Abu Bakar, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 549

Sejarah Universiti al-Azhar sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung
Mohd. Ali Muhamad Don ... 565

Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Inovasi Istibdal
Che Zuina Ismail, Rubiah Abu Bakar, Azarudin Awang, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 575

Pembangunan Wakaf Kesihatan: Model Operasi dan Pengurusan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN)
Norizah Mohamed @ Daud, Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Abas & Noraini Abd Muaziz ... 587

Urus Tadbir Hartanah Wakaf Melaka: Strategi Penambahbaikan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
Norajila Che Man, Rawi Nordin, Norafifah Ab Hamid & Nor Azlina Abd Wahab ... 601

Aktiviti Pembangunan Saham Wakaf di Johor
Nurfarhana Mohd Daud, Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Munirah Zakaria & Aflah Isa ... 613

CONTEMPORARY ISSUE OF ZAKAT IN MALAYSIA

Penetapan Had Kifayah Zakat Pelajar di UiTM: Satu Keperluan
Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Nor Aman Jamaluddin ... 625

Profil Asnaf Zakat di Kalangan Pelajar UiTM Melaka Kampus Bandaraya
Nor Rafedah Mohsan, Dziauddin Sharif, Norafifah Ab Hamid, Siti Nurul Izza, Hashim & Rizuan Abu Karim ... 635

Pengambilan Hukum Uruf dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri-negeri di Utara Malaysia
Noraini Saro & Rawi Nordin ... 643

Aktiviti Pembangunan Spiritual Bagi Asnaf Zakat Fakir dan Miskin di Selangor
Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Nurfarhana Mohd Daud & Mahasin Saja@Mearaj ... 651

ISLAMIC PHILANTHROPY AND HOSPITALITY

Crowdfunding: A New Phenomenon of Philanthropic Method
Nurzahidah Jaafar, Siti Noorbiah Md Rejab, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud & Mazni Natasha Mohd Nasir ... 675

Corporate Philanthropy as A Corporate Social Responsibility Component: An Islamic Perspective
Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Noor Hasyimah Sulaiman & Azarudin Awang ... 687

Travel Patterns of People with Physical Disabilities in Attractions Sector of Selangor's Tourism Industry
Nurul Fatin Nabila Md Nafiah Intan Farhana Abd.Karim, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Shariff, Mohd Sufian Ab Kadir & Maz Izuan Mazalan ... 695

MANAGEMENT IN ISLAMIC PERSPECTIVE

Siapakah yang Sayang: Pengurusan Gerontologi Kajian di Rumah Amal Baitul Rahmah, Rawang

Nurzahidah Jaafar, Suliah Mohd Aris, Fadhilah Adibah Ismail, Rafeah Saidon & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah.... 711

An Insight into The Islamic Manufacturing Practices (IMP)

Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud, Nurzahidah Jaapar & Thuraya Ahmad ... 723

Shariah Risk Profiling Through Shariah Based Business Modelling: A Rectification Plan for Shariah Audit Finding (SNCR-01) for Company XYZ

Mohd Helmi Ahmad & Najahuddin Lateh ... 737

Qualitative Characteristics Accounting Information of Kariah Mosque:
A Concept Paper

Masita Hassan, Salina Abdullah, Rahayu Mohd Sihat & Norlinda Tendot Abu Bakar ... 749

Sulh Approach in The Education Loan's Repayment: The Study on Education Loan of The National Higher Education Fund Corporation (PTPTN)

Dziauddin Sharif, Norajila Che Man, Zainab Mohd Zain, Nasif Sidquee Pauzi & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 757

Assessing Managers' Perception towards Fitness: Examining A Few Procedures and Steps

Saidin Wan Ismail & Norzaidi Mohd. Daud... 765

CONTEMPORARY ISSUES IN ISLAMIC JURISPRUDENCE

Ta'liq Talak: Antara Peruntukan Perundangan dan Amalan di Melaka

Noormala Rabu, Halipah Hamzah, Mohd Fauzi Md Isa & Zainal Fikri Zamzuri ... 791

Dilema Hak Suami Pasca Penceraian: Suatu Penelitian Awal di Malaysia

Mohd Ab Malek Md Shah, Zunaidah Ab Hasan, Sulaiman Mahzan, Marziana Abd Malib, Akmal Adanan & Mohamad Daim Darson ... 799

Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam dalam Konteks Maqasid Syariah

Fadhilah Adibah Ismail, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria & Norsalwati Sabtu ... 809

Maqasid Syariah dalam Pelancongan

Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Rawi Nordin, Mohamad Shafiei Ayub & Mohd Zaid Mustafar ... 817

Pengurusan Harta Menurut Islam: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Syariah
Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Norafifah Ab Hamid & Rawi Nordin ... 835

علم الفروق الأصولية: منهجية تجديدية في تأليف علم الأصول
(The Science of Usuli Nuances: a Renewal Method of Writing in Usul al-Fiqh)
...847 مصطفی بن محمد جبري شمس الدين

The Wisdom of Polygamy in Islam: The Law and Customary Practice in Afghanistan
Nasir Ahmad Yousefi... 865

Pendekatan Fuqaha dalam Memahami Illah Riba bagi Emas dan Perak
Mohd Asyadi Redzuan, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa & Siti Noor Ain Aziz ... 879

CONTEMPORARY ISSUES OF DAKWAH IN MALAYSIA

Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Kerangka Dakwah Islam
Razali Musa, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Mohd Shahril Othman, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Mohd Safri Ali ... 889

Pengurusan Akidah di Malaysia Secara Berorganisasi: Satu Tinjauan Awal
Tentang Jalinan antara Institusi Islam Kerajaan Pusat dan Negeri di Malaysia
Sophian Rambli & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi ... 895

Toleransi Agama dalam Kehidupan Komuniti Muslim Baharu: Tinjauan dari Aspek Cabaran
Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat & Rubiah Abu Bakar ... 901

Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah Sarkastik Dan Satira
Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun ... 909

The Correlation Between Salah (Prayers) and Students' Academic Performance
Che Haslina Abdullah, Mahanim Omar, Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab Latif & Che Nooryohana Zulkifli... 921

Peranan Laman Facebook dalam Penyampaian Maklumat Pengurusan Pusaka
Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Hafizie Suhaimi & Nasrul Hisyam Nor Muhamad... 931

Muslims in South Korea: The Way of Life

*Mahsuri Khalid, Ashirah Fatimah Mohd, Nurauni Aqilah Mohd Khir,
Nur Nabila Mazlan, Nur Farhanah Mahamad Halid & Noraini Jamal... 943*

Kajian Awal Tahap Kesukarelawan di Kalangan Rakyat Johor, Malaysia

*Nik Rozilaini Wan Mohamed, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Rohayu Roddin & Nor
Asikin Shaharuddin... 963*

Perubahan Akhlak Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor

*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohd Farhan Ahmad, Noraishah P Othman,
Siti Fairuz Sujak & Luqmanulhakim Ab Rahman... 969*

Dakwah Melalui Media Sosial: Penerimaan dalam Kalangan
Warga IPD Setiu, Terengganu

*Azman Che Mat, Khairul Azhar Abd. Karim, Azarudin Awang,
Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat &
Ahmad Zulfadhli Nukman... 987*

ISLAM AND COMMUNICATION

Akhlak Terbina Komunikasi Sempurna

*S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohd Shafie Ayub,
Mohd Zaid Mustafar & Mohd Zin Junoh ... 997*

Aplikasi Syarat Kesihatan Hadith terhadap Model Komunikasi Berkesan

*Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Mohd Zaid
Mustafar, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz & S Salahudin Suyurno ... 1005*

Komunikasi IntraPersonal dalam Dialog antara Agama:

Pengalaman Saudara Baru

*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat, Noor, Hasyimah Sulaiman
& Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 1015*

Pembangunan dan Pengesahsahihan Instrumen *Manhaj Rabbāniyyah* sebagai
Indikator Komunikator Islam

*Muhammad Taufik Md Sharipp, S Salahudin Suyurno, Mohamad Shafiei Ayub,
Abdul Raf Ridzuan & Mariam Farhana Md Nasir ... 1023*

Media Baharu dan Budaya Popular Islam: Peranan dan Realiti

*Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhamad Shafie Ayub, Rosilawati
Sultan Mohideen & Abdul Qayyum Abd Razak ... 1031*

Unsur-unsur Takmilah dalam Filem Islam

Mohamad Shafiei Ayub, Muhammad Taufik Md Sharipp, Aini Faezah Ramlan, Abdul Qayyum Abdul Razak, S Salahudin Suyurno & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 1037

ISLAMIC EDUCATION DEVELOPMENT

Gagasan Madrasah Al-Zahra': Penubuhan Universiti Islam di Akhir Kerajaan Turki Uthmani

Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Muaz Mohd Noor, Noor Hidayah Kasim & Rafidah Amat ... 1055

Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas

Siti Suriyani Sulaiman ... 1071

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Pencapaian Pelajar Bahasa Arab

Azman Che Mat, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Zulfadhli Nukman ... 1087

Perlaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital bagi Kursus CTU 281: Kesan terhadap Prestasi Akademik dan Motivasi Diri Pelajar Grafik di UiTM Alor Gajah

Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Fatrisha Mohamed Yusoff, Nor Yus Shahirah Hassan & Fazlina Mohd Radzi ... 1095

Analisis Kerelevanan Kurikulum Kursus Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) terhadap Pelajar di UiTM

Rubiah Abu Bakar, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman ... 1107

Hadith's Source of Reference Finder Browser Extension

Mohamad Hafiz Khairuddin, Nur Azalizana Ahmad Saru, Mohd Hafifi Mohd Supir, Anwar Farhan Zolkeplay & Mohd Taufik Mishan... 1117

Peranan IPTA dan IPTS dalam Menerapkan Pendidikan al-Quran di dalam Kurikulum sebagai Kursus Teras bagi Semua Pelajar Islam di Malaysia: Kajian Awal di Beberapa Buah IPT di Malaysia

Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir... 1127

Hukum Kanun Brunei dan Hukum Kanun Melaka: Suatu Ristaan Sejarah
Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif... 1143

جهود علماء المسلمين في مجال الطب وأثره على الحضارة الإنسانية

1155 ... د. محمد مرسلين محمد إسماعيل



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

Foreword

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim. All praise to Allah SWT. Blessing and Prayers be upon Prophet Muhammad SAW, and also to his family members, kindred's, companions and his followers who adhere faithfully to his teaching.

I would like to express my gratitude for this invitation to write a few words in conjunction of this proceeding. Heartiest congratulations go to the organizers of the 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 (2nd IsHeC2017) that was held on 14th – 15th November 2017. Congratulations also to the editors for their efforts in publishing the articles presented at the 2nd IsHeC2017.

Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 is a very noble effort as it adds to the corpus of literature on Islamic based research in various disciplines of knowledge. I hope that this proceeding can be a catalyst for the germination and strengthening of Islamic knowledge.

Finally, I wish to extend my sincere appreciation to all parties involved in the publication of this proceeding especially Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) UiTM Melaka, Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Pusat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (PJI & A) UiTM Melaka and the authors for their contribution.

DATUK PROF. MADYA SABARIAH MAHAT

Rektor,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,
Alor Gajah, Melaka.

ISHHC



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

Preface

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. All praise is due to Allah SWT, the Almighty. We all praise Him, seek His Help, and ask for His Forgiveness. We seek refuge with Him from the evil of our souls, and from our sinful deeds. He whom Allah SWT guides, no one can misguide him, and whoever Allah SWT misguides, no one can guide him. Blessings and prayers upon His Messenger Prophet Muhammad SAW. We would like to express our thorough and sincere gratefulness to Allah the Almighty, who has given us the opportunity to write, edit and complete the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017*.

We wish to extend our appreciation to YBhg. Datuk Associate Professor Sabariah Hj. Mahat, Rector of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka for her full encouragement in ensuring the success of the 2nd IsHeC2017 and also the publication of this proceeding. Special thanks to YBrs. Associate Professor Dr. Shafinar Ismail, Deputy Rector of Research and Industrial Linkage UiTM Cawangan Melaka for her continuous support in 2nd IsHeC2017.

A great deal of appreciation also goes to the Center for Islamic Philanthropy and Islamic Finance (CIPSF), Uni-Charity Society, ACIS UiTM Cawangan Melaka and UiTM Press for their tremendous effort in making the 2nd IsHeC2017 a success.

This proceeding comprises the articles that were presented in 2nd IsHeC2017 which held on 14 hingga 15 November 2017 at Avillion Hotel Melaka.

Hopefully, the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* will give a clearer view of various contemporary issues in Islamic-based research in this country and the Muslim world as a whole. Finally, we hope that this proceeding may inspire and motivate its readers in initiating attempts and contributions for the sake of Muslim ummah.

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

Editor

Proceeding of 2nd Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)

ISHC

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

DILEMA HAK SUAMI PASCA PENCERAIAN: SUATU PENELITIAN AWAL DI MALAYSIA

Mohd Ab Malek Md Shah¹, Zunaidah Ab Hasan, Sulaiman Mahzan, Marziana Abd Malib, Akmal Adanan, Mohamad Daim Darson

ABSTRAK

Apabila kita berbicara tentang isu penceraian, tergambar kepada kita akan segala tuntutan yang berhak untuk dipohon oleh si isteri; secara langsung mahupun tidak langsung menurut syara'. Ini termasuklah hak untuk mendapatkan muta'ah (pampasan atau ganti rugi akibat diceraikan), tuntutan nafkah 'iddah, hadhanah (hak penjagaan anak), tuntutan nafkah anak, hak untuk menuntut harta sepencarian (*jointly acquired property*) serta tuntutan hutang (sekiranya masih belum dilangsaikan oleh si suami selama tempoh perkahwinan berlangsung). Hakikatnya, apabila sesuatu bahtera rumahtangga yang telah terbina sejak sekian lama karam dipukul gelombang kehidupan yang penuh cabaran mendatang, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir pihak akan mengambil jalan singkat dengan menuding jari ke atas kaum Adam; lantas bingkaskan mempersoalkan akan segala tuntutan hak yang boleh (wajib) dinikmati oleh bekas isteri menurut lunas – lunas perundangan secara hakiki. Ironinya, terdapat ramai di antara kita yang jarang untuk menyentuh akan segala hak yang wajar dipohon oleh pihak bekas suami akibat daripada kegagalannya untuk mempertahankan keutuhan “masjid” tersebut daripada runtuh begitu sahaja. Ini kerana; tiada terdapat sebarang kajian atau analisis khusus yang menjurus ke arah perbincangan berhubung segala hak bekas suami pasca penceraian. Selain itu, penulis turut membuat perbandingan secara umum terhadap peruntukan dari segi lunas – lunas perundangan terhadap segala tuntutan yang boleh dibuat oleh kedua – dua belah pihak daripada kedua – dua sistem yang terpakai di Malaysia. Justeru; adalah menjadi harapan penulis bahawa; menerusi penulisan yang berbentuk kualitatif ini; terdapat kefahaman yang lebih jelas terhadap segala tuntutan yang boleh dipohon oleh setiap pasangan dalam memastikan kebajikan dan keadilan antara kedua – dua belah pihak; termasuklah anak – anak supaya dapat dilestarikan secara situasi menang – menang (*win – win situation*).

Kata kunci: penceraian; tuntutan; kebajikan; keadilan sejagat

PENDAHULUAN

Apabila kita berbicara tentang isu penceraian, tergambar kepada kita akan segala tuntutan yang berhak untuk dipohon oleh si isteri; secara langsung mahupun tidak langsung menurut syara'. Ini termasuklah hak untuk mendapatkan muta'ah (pampasan atau ganti rugi akibat diceraikan), tuntutan nafkah 'iddah, hadhanah (hak penjagaan anak), tuntutan nafkah anak, hak untuk menuntut harta sepencarian (*jointly acquired property*) serta tuntutan hutang (sekiranya masih belum dilangsaikan oleh si suami selama tempoh perkahwinan berlangsung). Hakikatnya, apabila sesuatu bahtera rumahtangga yang telah terbina sejak sekian

lama karam dipukul gelombang kehidupan yang penuh cabaran mendatang, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir pihak akan mengambil jalan singkat dengan menuding jari ke atas kaum Adam; lantas bingkaskan mempersoalkan akan segala tuntutan hak yang boleh (wajib) dinikmati oleh bekas isteri menurut lunas – lunas perundangan secara hakiki. Ironinya, terdapat ramai di antara kita yang jarang untuk menyentuh akan segala hak yang wajar dipohon oleh pihak bekas suami akibat daripada kegagalannya untuk mempertahankan keutuhan “masjid” tersebut daripada runtuh begitu sahaja. Ini kerana; tiada terdapat sebarang kajian atau analisis khusus yang menjurus ke arah perbincangan berhubung segala hak yang boleh atau wajar dituntut bekas suami pasca perceraian. Selain itu, kurangnya nilai – nilai kesedaran dan perhatian yang wajar dalam diri para suami berkenaan dengan hak – hak yang boleh dituntut di samping tiada sebarang penekanan yang jelas lagi ampuh terhadap isu tersebut dari segi aspek perundangan secara keseluruhan.

Mengikut statistik yang telah direkodkan, dalam tempoh 2011 sehingga 2016, sebanyak lebih 274,000 pasangan Islam di Malaysia bercerai sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai betapa pincangnya institusi keluarga Islam di negara ini. Dalam pada itu, jika ditinjau dengan lebih terperinci lagi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merekodkan bahawa terdapat seramai 38,035 pasangan telah bercerai sepanjang tempoh Januari sehingga Ogos 2016. Menurut YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim menyatakan bahawa kebanyakan kes perceraian yang direkodkan itu melibatkan usia perkahwinan lima tahun ke bawah. Apa yang lebih membimbangkan semua pihak lagi, terdapat sebilangan daripada kes perceraian tersebut adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman dan penghayatan terhadap roh kerukunan dan kesejahteraan terhadap sesebuah gerbang mahligai yang bahagia antara kedua – dua belah pihak.

Hakikatnya, sistem perundangan Malaysia yang berkaitan hal – ehwal keluarga Islam (*al-ahwal al-shakhsiyyah*) yang mencakupi urusan perkahwinan, perceraian, anak angkat dan sebagainya telah memperuntukkan dengan sempurna terhadap segala hak dan tanggungjawab yang wajar dituntut serta wajib dilaksanakan mengikut syariat bagi mengelakkan daripada sebarang permasalahan atau kesulitan antara kedua – dua belah pihak sedari sebelum memasuki alam rumahtangga sehinggalah mereka berpisah (Mahmood Zuhdi dan Raihanah, 1989). Mengikut konteks ini, Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa segala urusan yang berkaitan hal – ehwal agama Islam dan adat – istiadat Melayu adalah di bidang kuasa kerajaan negeri sepertimana yang telah dinyatakan secara jelas dalam Jadual Sembilan, Senarai Dua (*State list*) secara eksklusif dan akan dikuatkuasakan mengikut ketetapan masing – masing menerusi penggubalan Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam di setiap negeri selagi mana tidak bercanggah sama sekali dengan konsep keluhuran perlembagaan sebagai sumber undang – undang tertinggi di Malaysia (*supremacy of the Constitution*). Sesungguhnya, antara intipati signifikan bagi setiap peruntukkan enakmen tersebut adalah berusaha ke arah menegakkan keadilan sejagat (*social justice*) dan seterusnya menjamin hak – hak setiap orang Islam

adalah terbela tanpa sebarang penindasan oleh mana – mana pihak (Zaini Nasohah, 2002).

Pada sisi yang lain pula, jika direnung dari lanskap sistem perundangan bagi perkahwinan orang bukan Islam, segala urusan tersebut terletak di bawah bidang kuasa mahkamah sivil yang bersumberkan kepada **Law Reform (Marriage and Divorce) Act (LRA) 1976**. Dalam konteks ini, Akta tersebut tidak membincangkan secara terperinci berhubung hak – hak kedua belah pasangan semasa dalam tempoh perkahwinan; tetapi hanya berkisar kepada hak – hak yang boleh dituntut pasca perkahwinan. Pada sisi yang lain pula, jika direnung dari lanskap sistem perundangan bagi perkahwinan orang bukan Islam, segala urusan tersebut terletak di bawah bidang kuasa mahkamah sivil yang bersumberkan kepada LRA 1976. Ini merangkumi harta perkahwinan (*matrimonial asset*), nafkah kepada anak dan isteri serta hak penjagaan anak pasca penceraian selepas pasangan tersebut bercerai. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan suatu kebarangkalian bahawa ada pihak yang akan merasa tidak mendapat keadilan yang sewajarnya akibat daripada penceraian tersebut; khususnya apabila terdapat peruntukan yang kurang jelas di sisi undang – undang.

ISU – ISU BERHUBUNG TUNTUTAN SELEPAS PENCERAIAN: SUATU TINJAUAN

Muta'ah

Secara literal, muta'ah merujuk kepada istilah bahasa Arab '*al-mata*' yang boleh interpretasikan sebagai benda iaitu suatu yang boleh dimanfaatkan dan digunakan seperti makanan serta perkakasan rumah. Selain itu, Prof. Dr. Wahbah Zuhaili menyatakan bahawa '*al-mata*' antara lain bermakna sebagai mutaah perempuan yang dicerai suaminya. Seajar dengan itu, muta'ah yang merupakan antara tuntutan yang boleh dipohon selepas pasangan bercerai adalah sejumlah wang yang berupa pampasan atau suguhati yang wajib diberikan kepada si isteri setelah dicerai selepas tamatnya tempoh '*iddah*' berdasarkan kepada beberapa syarat yang telah digariskan oleh syara' sepertimana yang telah termaktub indah menerusi terjemahan Surah Al – Baqarah ayat 241 yang berbunyi;

“Dan isteri-isteri yang dicerai berhak mendapat muta'ah yakni pemberian suguhati dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang bertaqwa”.

Antara justifikasi pemberian muta'ah ini adalah; boleh dianggap sebagai suatu “penghargaan” oleh si suami terhadap bekas isterinya atas segala sumbangan dan pengorbanan yang telah disempurnakan selama mana tempoh perkahwinan mereka berlangsung berdasarkan kepada perintah Allah dalam terjemahan Surah Al – Baqarah ayat 236 yang bermaksud:

“Hendaklah kamu membri muta'ah yakni pemberian suguhati kepada mereka (yang dicerai itu), iaitu suami yang senang (hendaklah memberi suguhati itu) menurut ukuran

kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya; sebagai pemberian saguhati menurut yang patut; lagi menjadi satu kewajipan ke atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan”.

Sejajar dengan itu, Allah swt turut berfirman menerusi Surah Al-Ahzab ayat 49 mafhumnya:

'Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman kemudian kamu ceraikan mereka sebelum menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang eddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah muta'ah (pemberian saguhati) kepada mereka dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya'.

Menurut Imam Syafie, hukum mut'ah adalah wajib untuk diberikan kepada si isteri; samada setelah diceraikan sebelum disetubuhi; juga dalam situasi di mana kadar maharnya belum ditentukan (**Seksyen 58 Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam Kedah 2008**). Dalam situasi ini, apa yang perlu ditekankan adalah; walaupun Islam telah menyatakan secara jelas bahawa pemberian ini adalah suatu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan terhadap bekas isterinya, namun apa yang jelas; pemberian tersebut boleh diberikan dalam pelbagai bentuk yakni samada pakaian, barang – barang atau sejumlah wang berdasarkan oleh keadaan kewangan si suami serta mengambilkira harta yang dimiliki oleh bekas isteri tersebut. Ini bermaksud, mahkamah boleh menentukan kadar mut'ah berdasarkan kesesuaian kedudukan atau taraf suami isteri sekiranya tiada sebarang kata putus yang sepakat lagi jelas antara kedua – dua belah pihak setelah mereka mengadakan metodologi rundingan (*sulh*) terlebih dahulu. Oleh yang demikian, jika kedua - dua belah pihak bersetuju bahawa kadar pemberian tersebut adalah dalam bentuk wang, kadar yang wajib diberikan adalah secara persetujuan bersama; yakni saling meredhai antara kedua – dua belah pihak.

Justeru, walaupun bekas isteri diberikan hak untuk menuntut pemberian muta'ah daripada bekas suaminya, kadar yang perlu diberikan kepadanya hendaklah munasabah dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi pihak bekas suaminya secara keseluruhan. Ini kerana; walaupun pasangan tersebut telah bercerai; Islam tidak pernah meletakkan beban tanggungjawab terhadap kehancuran mahligai duniawi tersebut di atas bahu pihak bekas suami semata - mata; malah wajib dipikul secara situasi menang – menang antara kedua – dua belah pihak; tanpa sebarang prejudis atau syak wasangka; dengan bertunjangkan kepada asas pertimbangan yang telah ditetapkan oleh syara'. Sesungguhnya, tiada sebarang 'formula ajaib' atau pengiraan khusus yang telah digariskan oleh syara' dalam urusan menetapkan kadar pembayaran muta'ah selepas pasangan bercerai. Apa yang jelas, Islam menetapkan bahawa adalah merupakan kewajipan bagi pihak suami untuk menyediakan nafkah yang secukupnya kepada isteri dan anak

– anak; iaitu berdasarkan kepada keperluan mereka serta kadar kemampuan si suami tanpa sebarang bebanan tetapi lebih kepada isu kebertanggungjawaban serta syarat – syarat yang perlu dipatuhi oleh si isteri sebelum membuat tuntutan tersebut menurut prinsip syara’.

Isu Tuntutan Nafkah ‘Iddah

Secara lahiriahnya, nafkah turut menjadi persoalan pokok yang amat biasa dipertikaikan setelah rumahtangga pasangan tersebut berkecai. Turut dikenali sebagai “belanja” atau “sara hidup” nafkah merupakan antara kewajipan utama yang wajib “dilangsaikan dengan sempurna” oleh si suami kepada bekas isterinya selagi mana tidak diisytiharkan nusyuz ataupun sebagai ayah kepada si anak yang menjadi tanggungannya dengan merujuk kepada penyediaan keperluan asasi termasuklah makan minum, tempat tinggal, pakaian serta keperluan lain yang difikirkan sesuai berdasarkan kepada faktor ekonomi si suami atau ayah tersebut tanpa sebarang penindasan. Ini sesungguhnya amat bertepatan dengan firman Allah menerusi Surah Al – Talaq: 7 yang menyebut secara tuntas bahawa:

“Hendaklah menafqahkan orang – orang kaya itu dari kekayaannya dan sesiapa yang sempit rezekinya maka nafqahkanlah daripada ada yang Allah berikan padanya. Tidaklah Allah membebankan sesuatu jiwa itu kecuali sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Nescaya Allah bakal jadikan selepas kesusahan itu kepada kemudahan”.

Senada dengan itu, Junjungan Besar Rasulullah pernah menukilkan dalam sabda Baginda oleh Muslim bahawa sesungguhnya:

‘Cukup berdosa ke atas orang yang menahan nafkah ke atas orang yang ditanggungnya’.

Mendasari intipati berhubung kewajipan menyediakan nafkah kepada anak dan isteri, Allah telah berfirman menerusi Surah At – Talaq ayat 6 dengan tuntas lagi jelas bahawa sesungguhnya:

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu tinggal menurut kemampuan kamu”.

Secara dasarnya, kadar nafkah iddah yang perlu ditunaikan oleh si suami terhadap bekas isterinya selepas penceraian sebagai salah satu tuntutan yang wajib adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang patut dititikberatkan seperti jumlah pendapatan dan taraf ekonominya tanpa rasa terbeban sama sekali; termasuklah syarat – syarat yang telah digariskan oleh lunas – lunas syariat yang perlu dipatuhi oleh bekas isteri bagi tujuan tersebut. Ini bagi mengelakkan daripada timbulnya rasa ingin melarikan diri daripada menunaikan tanggungjawab tersebut oleh pihak si suami ataupun rasa dendam daripada pihak

bekas isteri terhadap jumlah tuntutan yang dipohon setelah diputuskan oleh pihak mahkamah.

Isu Tuntutan *Hadhanah* (Hak Penjagaan Anak)

Bagi tuntutan *hadhanah* (hak penjagaan anak), Islam menetapkan bahawa ia merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh pasangan suami isteri demi kemaslahatan dan kebajikan anak tersebut; walaupun mereka tidak mempunyai sebarang ikatan perkahwinan lagi. Secara hukumnya, si isteri mempunyai hak yang lebih berhak untuk mendapatkan penjagaan bagi kanak – kanak yang masih kecil. Ini kerana; adalah menjadi fitrah insan bahawa si anak lebih dahagakan belaian kasih sayang si ibu yang lebih 'rapat' dan yang tentunya lebih memahami selok – belok penjagaan anaknya yang masih kecil ataupun yang masih menyusu lagi. Ini selaras dengan **Seksyen 81 (tertakluk kepada Seksyen 82) Akta Undang – Undang Keluarga Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan)** yang secara jelas menyatakan bahawa si ibu adalah pihak yang paling berhak untuk diberikan hak penjagaan dalam dua situasi yang berbeza yakni; semasa dalam tempoh perkahwinan mahupun setelah beliau bercerai ataupun diceraikan.

Dalam usaha untuk menentukan siapakah yang lebih berhak dalam mendapatkan hak penjagaan anak tersebut, Islam secara dasarnya memberikan hak yang sama rata antara kedua – dua belah pihak berhubung perkara tersebut berdasarkan kepada hadis yang telah dinukilkan oleh Abu Daud, An-Nasa'i dan Tirmizi iaitu:

'Hendaklah kamu berdua membuang undi tentang anak kamu, maka berkata suami perempuan itu, 'Siapakah yang boleh menentang saya berkenaan anak saya (bererti suami itu tidak bersetuju cara membuang undi)'. Lalu Rasulullah saw menyuruh anak itu memilih antara ibu atau bapa dengan sabdanya: 'Ini bapa engkau dan ini ibu engkau, pilihlah siapa antara kedua-duanya yang engkau suka tinggal bersama'. Maka anak itu pun memilih ibunya dengan memegang tangan ibunya itu. Lalu perempuan itu pun membawa anaknya itu pulang bersama'.

Jika ditinjau dari dimensi yang lain pula, walaupun Islam menetapkan bahawa keutamaan diberikan kepada bekas isteri bagi mendapatkan hak penjagaan tersebut, namun apa yang lebih mustahak untuk difikirkan bersama adalah supaya kepentingan dan keselamatan si anak terjamin. Dalam konteks ini; perlu ditegaskan bahawa kadi atau hakim memiliki autoriti untuk membuat keputusan dengan menambilkira faktor – faktor relevan antara kedua – dua belah pihak terlibat termasuklah kedudukan kewangan, pendidikan, kawasan persekitaran tempat tinggal, tahap pegangan agama dan sebagainya. Ini diperkukuhkan lagi menerusi **Seksyen 81, Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993)**. Lantaran itu, sekiranya si anak tersebut mengikut bekas suami sekalipun, hubungan kasih sayang dan kekeluargaan dengan si ibu tetap terpelihara erat. Ini bertujuan bagi

mengelakkan daripada kebajikan si anak daripada terabai atau terjejas akibat daripada menjadi mangsa perebutan antara kedua – dua pasangan yang telah terpisah. Namun, perlu diperingatkan bahawa; Seksyen 84 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan menetapkan bahawa keputusan yang dibuat oleh anak tidak mutlak kerana pihak mahkamah mempunyai kuasa pemutus dalam membuat keputusan yang berlawanan dengan pilihan anak dengan mengambilkira fakta kes secara keseluruhan. Ini selaras dengan pendapat oleh Syed Sabiq dalam kitabnya Fiqh As-Sunnah Juz 8 halaman 219 yang menyatakan:

'Sesungguhnya setiap penjaga dan anak jagaan masing-masing mempunyai hak. Akan tetapi, hak anak atau kemaslahatan anak lebih penting dari hak penjaganya'.

Pada masa yang sama pula, hak penjagaan dan pemeliharaan anak setelah perceraian bagi orang bukan Islam boleh dirujuk kepada **Akta Penjagaan Kanak – kanak 1961 (Malaysia Barat)**. Dalam konteks ini, tugas penjaga (*guardian*) adalah setara antara kedua – dua belah pasangan kerana kebajikan anak adalah asas utama yang perlu diberi perhatian kerana mereka dianggap sebagai penjaga bersama (*equal guardian*); yang penulis berpendapat bahawa terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan hak penjagaan bagi pasangan Muslim setelah mereka bercerai. Dalam situasi ini, maka tidak dapat disangkal lagi bahawa kedua – dua belah ibu bapa; walaupun telah bercerai, hendaklah mencapai persetujuan bersama apabila terlibat dalam membuat segala keputusan penting, termasuklah hal – hal yang berkaitan dengan agama anak – anak (**Perkara 12 (4), Perlembagaan Persekutuan**).

Tuntutan Terhadap Harta Sepencarian (*Jointly Acquired Property*)
Dari sisi yang lain pula, si isteri yang telah berpisah turut diberi pengiktirafan di sisi kacamata adat Melayu di Malaysia yang sejajar dengan kehendak syariat untuk membuat tuntutan terhadap harta sepencarian (*jointly acquired property*); sepertimana yang telah dinyatakan secara jelas oleh hakim menerusi kes **Robert @ Kamarulzaman lwn Umi Kalthum [1981] 2 JH 82** dan turut senada dengan pendirian Almarhum Prof. Tan Sri Dr. Ahmad Ibrahim (2001). Secara tuntas, tiada sebarang tafsiran yang terperinci yang menjurus kepada jenis harta yang agak merumitkan lagi ini; lebih – lebih lagi sekiranya melibatkan harta pusaka dan pertikaian waris (isu perebutan harta setelah ibu bapa mereka meninggal dunia atau bercerai). Ini diparahkan lagi memandangkan bahawa tiada sebarang diskusi khusus yang telah disepakati oleh umat Islam terdahulu berhubung dengan isu tuntutan tersebut. Antara istilah yang diterima untuk digunapakai dari segenap lapisan masyarakat di Malaysia yang bersandarkan kepada adat (*uruf*) masing – masing bagi merujuk kepada harta ini iaitu “carian laki bini” oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih, “pencarian” bagi masyarakat Melayu Sarawak dan “pencurian” bagi umat Islam di Mindanau, Sarawak. Bagi masyarakat di negara lain pula; misalnya di Sunda,

mereka menggelarnya sebagai “guna - kaya” manakala di Jawa, ia dikenali sebagai “gano – gina”.

Menurut Haji Harussani bin Haji Zakaria (semasa beliau menjadi Kadi Besar Pulau Pinang), harta sepencarian ditafsirkan sebagai 'harta yang diperoleh secara bersama selama dalam bersama – sama; samada dalam bidang yang sama atau berbeza secara rasmi ataupun tidak rasmi; samada dibahagi – bahagikan tugas atau tidak'. Dari segi perundangan pula, harta sepencarian dirujuk sebagai ‘Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak’. Dalam konteks ini, menurut Zaleha Kamaruddin (2009), harta sepencarian turut meliputi segala jenis harta alih atau tidak alih yang diperoleh menerusi usaha mereka bersama semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah itu berlangsung. Jika ditelusuri daripada keputusan mahkamah terhadap beberapa kes yang boleh dijadikan rujukan seperti **Yang Chik Iwn Abdul Jamal [1985] 6 JH 146, Sepiah Iwn Abdullah [1984] V/I JH 61** serta **Piah binti Said Iwn Che Lah bin Awang [1983] 3 JH 220**, hakim menyatakan bahawa harta sepencarian termasuklah “segala harta yang diperoleh semasa dalam tempoh perkahwinan dengan masing – masing suami isteri sama – sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta”. Namun demikian, bagi segala harta yang diperoleh secara perwarisan (*inheritance*), hibah atau wasiat pula, ia adalah milik individu tersebut yang turut dikenali sebagai “harta bawaan” melainkan sekiranya harta tersebut berkembang atau dikembangkan dengan usaha kedua – dua pasangan samada secara bersama atau usaha perseorangan pasangan yang lain, harta tersebut boleh diklasifikasikan sebagai harta sepencarian di bawah **Seksyen 122 (5) Enakmen Undang - Undang Keluarga Islam Selangor 2003**).

Hakikatnya, harta sepencarian boleh dispesifikasikan sebagai hak eksklusif antara kedua – dua belah pasangan yang mana hanya kedua – dua mereka sahaja yang boleh menuntut dan memperoleh hak dari segi amalan (adat) serta perundangan (legislatif) samada bercerai hidup atau sebaliknya; sepertimana yang telah diputuskan dalam kes **Habsah binti Saad Iwn Surinata Baharom & Saari Samad [2004] 17 JH 83**. Namun demikian, tiada sebarang peruntukan khas dalam mana – mana Undang – Undang Keluarga Islam di Malaysia melainkan hanya boleh dirujuk kepada **Amalan Arahan No. 5 Tahun 2003 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)**.

Spesifikasi jenis harta tersebut merangkumi segala jenis aset yang didapati semasa dalam tempoh perkahwinan antara kedua – dua pasangan berlangsung; samada yang disumbangkan secara langsung atau tidak langsung. Merujuk kepada **Seksyen 2 Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003**, harta sepencarian ditakrifkan sebagai segala harta yang diperoleh secara bersama oleh pasangan suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan mereka berlangsung secara sah menurut prinsip syara'. Menerusi dimensi ini, sumbangan ditafsirkan sebagai harta yang secara langsung dapat ditafsirkan dalam situasi yang mana kedua – dua suami isteri berusaha untuk menyumbang secara bersama untuk mendapatkan sesuatu harta atau aset tersebut. Bagi sumbangan secara tidak langsung pula, ia merujuk kepada situasi yang mana

si isteri hanya bertugas sebagai suri rumahtangga sepenuh masa dan hanya menjaga anak – anak di rumah. Dalam membincangkan isu sumbangan tidak langsung daripada pihak si suami, contohnya suami yang bertindak sebagai “suri rumahtangga sepenuh masa” bagi menggantikan peranan si isteri yang keluar bekerja, tiada sebarang *nas* atau hukum yang jelas lagi khusus yang merujuk dari segi konteks ini.

Adalah menarik sekali untuk kita renungkan penghakiman yang telah disempurnakan oleh Almarhum Tan Sri Prof. Datuk Dr. Ahmad Ibrahim ketika memberi keputusan Lembaga Rayuan Wilayah Persekutuan bagi kes **Mansjur Iwn Kamariah (1988, Jld. VI, 2 J.J.)** tentang harta sepencarian bahawa:

'Apabila timbul pertikaian mengenai kadar pembahagian harta sepencarian, jika tidak terdapat persetujuan, keputusan diserahkan kepada hakim yang menggunakan budibicaranya'. Ini bermakna hakim akan membuat keputusan sendiri berdasarkan budi bicaranya'.

Walaupun begitu, jika terdapat sebarang bukti atau dokumen kukuh yang menyatakan bahawa bekas suami turut berhak terhadap sebahagian harta tersebut, undang – undang turut membenarkannya untuk membuat tuntutan tersebut berdasarkan kepada perspektif perundangan. Selain itu, kadar pembahagian harta sepencarian tersebut turut mengambilkira sumbangan kedua – dua belah pasangan yang merangkumi aspek kewangan (harta benda dan tenaga), hutang untuk kepentingan bersama semasa perkahwinan serta keperluan anak – anak yang belum dewasa (**Seksyen 58, Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993)**). Apa yang lebih utama adalah; setiap pasangan perlu ikhlas dan berlapang dada dan sterusnya tidak sesekali menafikan hak pasangan lain dalam segala urusan yang berkaitan dengan harta yang diperoleh serta pembahagian harta tersebut menurut had sumbangan yang berhak apabila berlakunya penceraian. Dalam konteks ini; sayugia diingatkan bahawa terdapat kesepakatan (*ijma'*) secara jumbuh di kalangan sarjana Islam bahawa si isteri tiada berhak untuk menuntut sebarang upah daripada suaminya terhadap segala khidmat yang telah disempurnakan semasa melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan juga ibu (suri rumah).

Secara perbandingan, bagi wanita bukan Islam pula, **Seksyen 76 (5)** menyatakan bahawa harta yang boleh dituntut setelah berlakunya pembubaran sesuatu perkahwinan turut merangkumi harta yang dimiliki sebelum kedua – dua belah berkahwin. Ini adalah rentetan daripada **Seksyen 76 (1)** yang menetapkan bahawa pihak mahkamah boleh mengarahkan supaya setiap harta yang diperoleh oleh kedua – dua belah pihak dapat dibahagikan secara bersama (*joint efforts*) ataupun dibahagikan terhadap hasil setelah menjual harta benda tersebut. Ini juga merupakan salah satu aspek yang berlainan dengan tuntutan yang boleh dikemukakan oleh mana – mana pihak pasangan Islam setelah mereka berpisah antara keduanya.

KESIMPULAN

Hakikatnya, setiap pasangan Muslim yang ingin mendirikan rumahtangga hendaklah menghayati dan seterusnya mampu untuk melestari kerukunan konsep dan falsafah ikatan suci yang terjalin atas nama perkahwinan di bawah lembayung *mawaddah* dan *rahmah* sebaik mungkin. Ini kerana; hubungan kekeluargaan yang telah termaktub secara sah dan halal tidak terhenti begitu sahaja sekadar dengan lafaz cerai oleh pihak si suami. Ini kerana; Islam telah menukulkan secara indah lagi mudah terhadap hak dan tanggungjawab yang perlu diambil berat oleh kedua – dua belah pihak demi kemaslahatan bersama; lebih – lebih lagi yang berkait rapat dengan kebajikan dan kepentingan anak supaya lebih terjamin. Ini seterusnya bagi menegakkan daripada sebarang implikasi yang lebih buruk dan akhirnya boleh menyebabkan terjadinya sebarang pengabaian atau penganiayaan antara semua pihak.

RUJUKAN

- Al – Quranul Karim.
Akta Penjaan Kanak – kanak 1961 (Malaysia Barat).
Akta Undang – Undang Keluarga Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan).
Amalan Arahan No. 5 Tahun 2003 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993).
Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993).
Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam Kedah 2008.
Law Reform (Marriage and Divorce) Act (LRA) 1976.
Mahmood Zuhdi dan Raihanah, 1989, Undang – Undang Keluarga Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia, Kuala Lumpur, Karya Abazie.
Perlembagaan Persekutuan.
Zaleha Kamaruddin, 2009, Wanita dan Keadilan, Kuala Lumpur, ANZ Charisma.
Zaini Nasohah, 2002, Penceraian: Hak Wanita Islam, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.